

ALAM WANITA

Peranan Wanita Dalam Berbagai-bagai Lapangan

Kali ini, penulisan rencana ini akan memperkatakan pula kedudukan wanita dalam agama Islam dan peranannya

di berbagai-bagai lapangan; iaitu dalam lapangan ibadah dan masyarakat, pendidikan dan pengajaran. Kami

sajikan kepada sidang pembaca yang budiman sebagai yang sudah-sudah dan dengan bersambung-sambung.

(Oleh: Haji Munawar Khalil)

Wanita dalam Lapangan Ibadah dan Masyarakat

Allah telah menyatakan bahawa “wanita” dalam lapangan ibadah kepada Tuhan dan kewajipan mereka dalam lapangan masyarakat tidak berbeza dengan “lelaki”, yang difirmankan-Nya dalam al-Qur’ān; di antaranya sebagai berikut (kira-kira erti nyata):

1. “Sesungguhnya orang-orang Islam lelaki dan orang-orang Islam perempuan , orang-orang mukmin lelaki dan mukmin perempuan, orang-orang lelaki yang berbakti dan perempuan-perempuan yang berbakti, orang-orang lelaki yang benar dan perempuan-perempuan yang benar, orang-orang lelaki yang benar dan perempuan-perempuan yang benar, orang-orang lelaki yang sabar dan perempuan-perempuan yang sabar, orang-orang lelaki yang khusyuk dan perempuan-perempuan yang khusyuk, orang-orang lelaki yang bersedekah dan perempuan-perempuan yang bersedekah, orang-orang lelaki yang puasa dan perempuan-perempuan yang puasa, orang-orang lelaki yang menjaga kemaluan mereka (tidak berbuat zina) dan perempuan-perempuan yang menjaga kemaluan mereka, orang-orang lelaki yang banyak mengingat Allah dan perempuan-perempuan yang banyak mengingat Allah, nescaya Allah sediakan bagi mereka

pengampuanan dan pahala yang besar.” (35 surah al-Ahzāb)

2. “Dan orang-orang mukmin lelaki dan orang-orang mukmin perempuan itu setengahnya menjadi pemimpin setengah yang lain. Mereka itu menyuruh berbuat kebajikan dan menegah daripada berbuat kejahanatan, mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, mentaati Allah dan Rasul-Nya. Mereka itulah orang-orang yang akan diberi rahmat oleh Allah. Sesungguhnya Allah itu Mulia lagi Bijaksana.” (surah al-Tawbah)

Kesimpulan erti dari dua ayat ini menunjukkan bahawa “wanita Islam” itu dalam lapangan beribadah kepada Tuhan dan dalam lapangan masyarakat orang ramai, penghargaan Allah terhadap mereka tidak dibezakan dengan penghargaan yang diberikan kepada kaum “lelaki Islam.” Sungguhpun dalam mengerjakan ibadah itu kadang-kadang wanita berlainan dari lelaki, tetapi itu adalah sedikit sahaja dan memang demikian syariat menentukannya; misalnya dalam mengerjakan sembahyang, wanita semasa haid tidak diwajibkan mengerjakannya, begitu pula semasa nifas (melahirkan anak) dan selama mereka meninggalkan

sembahyang kerana sebab-sebab di atasnya, tidak pula diwajibkan supaya mengqada'nya lantaran sangat banyaknya. Begitu pula semasa mengerjakan puasa, manakala mereka didatangi haid atau pun nifas, tidaklah mereka itu diwajibkan mengerjakannya, hanya diwajibkan mengqada'nya (membayar) puasa yang ditinggalkannya itu di masa yang lain.

Peristiwa dalam Sejarah

Diriwayatkan: Bahawa pada suatu hari Ummu Salamah *radīya Allahu 'anhā* berkata kepada Nabī (S.A.W); "Ya Rasulullah! Apa sebabnya dalam urusan hijrah kaum lelaki sahaja yang disebut-sebut sedang kaum wanita tidak disebut-sebut?" Seketika itu tentulah ayat 195 surah Ālī-'Imrān yang ertiannya: "Maka Tuhan mereka memperkenankan permohonan mereka (dengan titahnya): Sesungguhnya aku tidak menyi-nyiakan pahala orang yang beramat daripada kamu – baik lelaki maupun perempuan – sebahagian kamu dengan sebahagian yang lain.

Satu riwayat yang lain: Bahawa pada suatu ketika Ummu 'Umarah r.a. mendatangi Nabī (S.A.W) dan berkata: "Mengapa yang saya lihat, segala sesuatu yang disebut-sebut hanya orang-orang lelaki, dan saya belum pernah melihat (mendengar) orang-orang perempuan disebut-sebutkan dalam sesuatu perkara – yang bersangkutan dengan pahala dan amalan?" Maka pada waktu itu turunlah ayat 35 surah al-Ahzāb yang disebutkan ertiinya di atas tadi.

Menurut riwayat, bahawa para wanita (yang digelar *sahabiyāt* (atau sahabat-sahabat Nabī dari kaum wanita) pada waktu itu setelah mendengar ayat-ayat yang telah disebutkan tadi, mereka merasa puas hati dan riang gembira, kerana telah faham bahawa segala amalan dan perbuatan mereka yang baik-baik akan diterima Allah sebagaimana amalan yang baik-baik dari kaum lelaki.

Berhubung dengan yang demikian, maka Allah telah menjanjikan pula, kalau sekiranya kaum wanita itu berbuat kejahatan dan derhaka, ancamannya pun sama seperti ancaman yang dijanjikannya kepada kaum lelaki. Antara lain Allah telah berfirman (kira-kira ertiinya)

1. "Orang-orang munafik lelaki dan munafik perempuan: sebahagian mereka dengan sebahagian yang lain menyuruh berbuat kejahatan dan menegah daripada mengerjakan kebajikan, dan berlaku bakhil. Mereka lupa kepada Allah maka Allah pun melupakan mereka. Sesungguhnya orang-orang munafik itu adalah orang-orang yang fasik (jahat)." (67 surah al-Tawbah).

2. "Allah telah menjanjikan bagi orang-orang munafik lelaki dan munafik perempuan dan orang-orang kafir akan neraka Jahannam dengan kekal di dalamnya, itulah balasannya yang cukup bagi mereka. Allah laknat mereka: dan bagi mereka seksa yang tetap." (68 surah al-Tawbah)

3. "Supaya Allah masukkan mukmin lelaki dan orang-orang mukmin perempuan ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, berkekalan tinggal di dalamnya, dan dihapuskan kesalahan-kesalahan mereka. Dan adalah yang demikian itu di sisi Allah kebahagiaan yang besar. Dan Allah menyeksa orang-orang munafik lelaki dan munafik perempuan, orang-orang musyrik lelaki dan musyrik perempuan: yang mereka itu menyangka dengan sangkaan yang jahat kepada Allah. Atas mereka itu ada peraturan jahat. Allah murka dan melaknat kepada mereka, dan disediakan bagi mereka neraka Jahannam. Itulah tempat kembali yang amat jahat (buruk)." (Ayat 5 dan 6 surah al-Fath)

Demikian diantara firman-firman Allah yang menunjukkan bahawa ancaman seksa yang disediakan bagi orang-orang perempuan yang munafik dan yang musyrik – adalah sama

– dengan yang disediakan bagi kaum lelaki yang munafik dan yang musyrik. Jadi sama ada pahala mahupun seksa telah disediakan oleh Allah untuk kaum wanita itu serupa sahaja dengan yang disediakan untuk kaum lelaki.

Di dalam kitab suci al-Qur’ān banyak Allah ceritakan – untuk tauladan bagi kaum wanita – berkenaan beberapa orang “wanita yang mukmin” dan yang “*kāfirāt*” begitu pula yang *mushrikāt*.

Di antaranya dalam kisah Nabī Nūh tersebut akan isterinya yang bernama “Fā’ilah”, dan dalam kisah Nabī Lüt tersebut juga akan isterinya yang bernama “Wāhilah” kedua-dua wanita tersebut walaupun merupakan sebagai isteri kepada Nabī utusan Allah, tetapi oleh kerana mereka telah berkhianat kepada agama yang dibawa dan dipimpin oleh suami mereka: maka kedua-duanya itu – oleh Allah telah dinyatakan – termasuk dalam golongan ahli neraka.

Kemudian terdapat pula riwayat dua orang isteri Nabī Ibrīhīm ‘alayhi al-salām yang bernama “Siti Sārah” dan “Siti Hājar”. Kedua wanita tersebut, adalah termasuk golongan orang yang taat dan patuh kepada pemimpin agama yang dibawa oleh suami mereka, serta ikhlas pula berkorban membantu suami mereka, maka Allah memasukkan mereka di dalam golongan wanita yang akan memasuki syurganya. Begitu pula terdapat riwayat seorang wanita yang bernama Siti Āsiyah – isteri dari Raja Firaun yang terkenal ganas dan kejam serta kekafirannya terhadap Allah. Tetapi lantaran Siti Āsiyah itu seorang wanita yang sungguh-sungguh beriman kepada Allah dan amat patuh kepada pimpinan agama yang dibawa oleh Nabī Mūsā ‘alayhi al-salām: maka oleh Allah telah dinyatakan dengan firman-Nya, bahawa ia Siti Āsiyah adalah termasuk

sebagai wanita yang disediakan tempatnya di dalam syurga.

Dengan kenyataan di atas, dapatlah dijadikan iktibar dan suri tauladan, bahawa seorang wanita sekali pun menjadi isteri Nabī atau Rasul jika berbuat derhaka terhadap Allah: nescaya tergolong dalam ahli neraka. Sebaliknya seorang wanita yang menjadi isteri kepada suami yang derhaka atau kufur, sekiranya dia sentiasa taat dan patuh kepada pimpinan Allah, nescaya tergolong dalam ahli syurga.

Wanita Dalam Lapangan Pendidikan dan Pengajaran

Pada masa sebahagian besar golongan bangsa-bangsa di dunia berpendapat dan menyatakan, bahawa kaum wanita tidak diperkenankan belajar sebarang ilmu pengetahuan: tidak dibolehkan membaca kitab-kitab suci agama, apa lagi memberi pengajaran, maka datanglah Nabī Muhammad (S.A.W) sebagai pesuruh Allah membacakan ayat-ayat Tuhan kepada sekalian umatnya yang menyatakan bahawa agama Islam tidak hanya dipeluk dan dianut oleh golongan lelaki semata-mata tetapi juga oleh golongan kaum wanita. Al-Quran dengan tegas menyatakan tentang adanya “muslimin” dan muslimat, adanya “*mu’mīnūn*” dan *mu’mīnāt* sebagai yang disebutkan contoh-contohnya yang telah terdahulu oleh sebab itu sudah tentu kaum muslimin dan muslimat wajib mempelajari dan menuntut ilmu pengetahuan yang bersangkutan dengan kewajipan selaku wanita: terutama pengetahuan mengenai agama yang dianutinya.

Dalam hubungan ini Nabī (S.A.W) bersabda yang ertiaya: “Menuntut ilmu (agama) itu wajib atas tiap-tiap orang Islam lelaki dan perempuan.”

Mengingat banyaknya ayat-ayat al-Qur’ān yang mengandungi perintah supaya kaum muslimin menjadi umat yang cerdik pandai: tinggi pengetahuannya melebihi mengurus urusan mestalah cekap dan berkebolehan mengurus urusan

dunyāwī dan *ukhrāwī*, iaitu suatu perintah yang bukannya terkhas bagi kaum lelaki sahaja, bahkan termasuk juga bagi kaum wanita, maka tepatlah kalau Nabī (S.A.W) telah bersabda seperti yang disebutkan tadi dengan ketidaan ilmu, kaum wanita takkan dapat mengerjakan sembahyang, mengeluarkan zakat, menunaikan haji dan lain-lainnya. Jadi mereka mestilah diberi didikan dan pelajaran, sehingga mengerti bagaimana menjalankan kewajipan-kewajipan tersebut.

Dalam hubungan ini Nabī (S.A.W) telah bersabda – kira-kira ertinya demikian:

“Siapa-siapa yang mempunyai budak perempuan lalu diberinya pengajaran sehingga membaguskan pengajarannya: dan diberi didikan sehingga membaguskan didikannya kemudian dimerdekakannya atau dikahwinkannya, maka baginya dua pahala.”

Sabda Nabī (S.A.W) yang lain – kira-kira ertinya: “Barangsiapa ada memelihara 3 orang anak perempuan, atau 3 saudara perempuan, atau 2 anak perempuan, atau 2 saudara perempuan, lalu ia berbuat baik kepada mereka, diberi pula didikan dan dikahwinkan, maka berhaklah ia masuk syurga.”

Menilik dari kedua ḥadīth di atas jelaslah, bahawa anak perempuan, saudara perempuan dan budak (hamba sahaya) perempuan, mereka itu wajib diberi pelajaran dan pendidikan yang baik, supaya menjadi pula orang-orang yang baik.

Beginu pula sama ada wanita itu masih kanak-kanak atau sudah dewasa bahkan sudah bersuami, wajiblah mereka itu belajar akan sesuatu yang memang dihajatkan.

Nabī (S.A.W) telah bersabda – kira-kira ertinya: “Seorang perempuan telah mendatangi Rasulullah (S.A.W) lalu berkata: “Ya Rasulullah. Telah banyak

orang-orang lelaki datang kepada tuan untuk menerima sabda-sabda – dari pengajaran, maka dihawap¹ tuan adakan hari yang tertentu untuk kami datang kepada tuan, yang didalamnya tuan beri pengajaran kepada kami (kaum perempuan) dari segala sesuatu yang Allah ajarkan kepada tuan.” Lalu rasulullah (S.A.W) bersabda; “Hendaklah kamu (kaum wanita) tiap-tiap hari sekian dan di tempat sekian-sekian kamu berkumpul.” Maka berkumpullah kaum wanita di hari dan tempat yang telah ditentukan. Dan kemudian nabi (S.A.W) datang, lalu baginda mengajarkan kepada mereka akan perkara-perkara yang Allah telah ajarkan kepada baginda.”

Kesimpulan dari ḥadīth ini, bahawa wanita tidak dilarang meminta pengajaran dan belajar ilmu pengetahuan yang dihajatinya. Begitu pula tidak ada halangan orang lelaki memberi pengajaran kepada kaum wanita, asalkan waktu dan tempatnya tertentu bagi mereka.

Dalam pada itu mempelajari ilmu pengetahuan itu perlu dengan tulis menulis. Kerana di zaman Nabī (S.A.W) kaum wanita tidak dilarang belajar tulis menulis. Sebagai yang tercatit dalam sejarah bahawa Shifā’ bint ‘Abdullah memberi pelajaran tulis menulis kepada Siti Hafṣah binti ‘Umar yang menjadi isteri kepada Nabī (S.A.W) maka tidaklah benar andaikata ada pendapat ulama yang melarang kaum wanita belajar tulis menulis.

Dalam sejarah Islam dijelaskan bahawa sepeninggal Nabī (S.A.W) beberapa orang isteri baginda adalah golongan ahli pengajaran, yang meriwayatkan ḥadīth-ḥadīth Nabī kepada kaum muslimin. Di antara ḥadīth-ḥadīth itu, belum pernah didengar oleh para sahabat lelaki, hanya didengar atau diterima oleh isteri-isteri baginda. Maka isteri bagindalah yang menyampaikan atau meriwayatkan tentang ḥadīth-ḥadīth tersebut kepada kaum lelaki, terutama kepada kaum wanita bahkan mereka menjadi selaku guru dan juru fatwa dalam hukum-hukum sharak,

¹ Perkataan sebenar ialah diharap.

peraturan-peraturan yang berkenaan dengan urusan perkahwinan, hikmah-hikmah yang pelik-pelik dari Nabī dan sebagainya. Selain dari isteri-isteri Nabī (yang bergelar Ummahāt al-Mukminīn), banyak lagi para sahabat golongan wanita yang memang alim yang menyampaikan beberapa hadīth Nabī seperti; Asmā' binti Abū Bakar, ‘Āishah binti Ṭalhah, ‘Asmā’ binti ‘Umays, Ummu Umārah, Ummu Sulayman, Saiyidina² Fātimah puteri Rasulullah sendiri.

Di zaman *tābi’īn* dan *tābi’u al-tābi’īn* dan seterusnya tidak sedikit terdapat para wanita Islam yang ahli dalam hukum kemegahan, hukum kesusasteraan adab, syair dan lain-lain yang dapat dibuktikan di dalam lembaran sejarah.

Jadi kaum wanita dalam Islam itu diberi kebebasan untuk menuntut ilmu pengetahuan dan memberikan pula pengajaran tetang ilmu yang telah diketahuinya.

Perlu dijalankan betapa Islam memberikan penghargaan atas diri kaum wanita, dalam buku-buku sejarah diterangkan, bahawa pada waktu terjadi “bai’ah” antara Nabī (S.A.W) dengan para pengikut-pengikut atau sahabat-sahabat baginda – baik lelaki maupun perempuan – baginda terlebih dahulu mengadakan bai’ah (bersetia mempertahankan agama Islam) dengan kaum wanita, kemudian bahrulah mengadakan bai’ah dengan kaum lelaki.

Begini pula dalam sejarah telah diterangkan, bahawa ayat-ayat al-Qur’ān setelah terhimpun menjadi sebuah kitab (mushaf) lalu ditaruhkan dan disimpan di rumah salah seorang wanita, iaitu Saiyidina³ Ḥafṣah binti ‘Umar (permaisuri Nabī S.A.W) yang seterusnya mushaf itu tetap tersimpan dan terpelihara di rumah beliau, hingga pada zaman khalifah ketika (Saiyidina Uthmān) mushaf tersebut telah diambil oleh sahabat-sahabat yang besar kerana disalin dalam beberapa buah mushaf yang lain untuk dikirim dengan rasmi ke negeri-negeri Islam

yang lain pula, dengan harapan supaya seluruh negara Islam menulis dan menyalin al-Qur’ān dengan berpegangan mushaf yang terisimpan pada Saiyidatina Ḥafṣah tadi.

(Pada rencana akan datang, akan diterangkan pula peranan wanita dalam lapangan sosial dan politik, perjuangan dan ikut berangkat ke medan perang).



Buku yang mengandungi

155 muka, kertas lichin susunan saudara A.H. Edrus ini meliputi penuh segala rupa urusan yang berhubung dengan surat menyurat dalam semua bahagian hidup (kecuali surat chinta).

Harga sebuah \$2.00 dan tambah belanja pos register sebanyak 40 sen.

Alamat penerbit-nya ia-lah:

QALAM,
356/358, GEYLANG ROAD,
SINGAPORE 14.

² Saiyidatina

³ Perkataan sebenar ialah Saiyidatina.